

17/09/1997

Camro yakin capai matlamat jualan

CAMRO Wireless (M) Sdn Bhd (Camro Wireless), syarikat usaha sama Malaysia-Australia mensasarkan jualan 10,000 unit alat penerima radio tanpa wayar di Malaysia, Indonesia, Thailand dan China dalam tahun pertama operasinya, kata Ketua Eksekutifnya, C C Wong.

Beliau berkata, Camro Wireless akan memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan alat penerima radio tanpa wayar berprestasi tinggi dengan kos rendah dalam tempoh enam bulan.

"Kami akan mereka bentuk, memaju dan mengeluarkan sistem operasi alat penerima radio tanpa wayar, sistem operasi dan perkakasan," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis manandatangani memorandum persefahaman itu yang disaksikan Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Othman Abdul.

Camro Technology Sdn Bhd, syarikat yang dikuasai oleh majoriti Bumiputera dan Dr Werner Holzinger & Associates dari Australia. Dr Werner Holzinger & Associates terbabit dalam industri telekomunikasi sejak 17 tahun lalu di Australia dan Eropah.

Dr Holzinger berkata, Camro Wireless akan menyediakan sejumlah produk serta perkhidmatan bagi memanfaatkan pasaran di rantau ini.

"Kami percaya ia mempunyai masa depan yang cerah terutama di kawasan yang kekurangan prasarana talian telefon," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Camro Technology, Shamsul Azhar, berkata dorongan kepada Camro Technology untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan diilhamkan daripada gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pakar teknologi Bumiputera supaya menyertai Koridor Raya Multimedia.

"Kami mengambil cabaran dengan menubuhkan pusat pembangunan dan penyelidikan bagi penerokaan terbaru ini," katanya.

(END)